

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(XIV)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

13. Adakah kerajaan mempunyai pelan khusus bagi menangani masalah banjir dengan lebih berkesan di kawasan Pulau Tikus dan juga kawasan yang sering terjejas?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak mempunyai pelan khusus atau kajian menyeluruh bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Pulau Tikus. Walau bagaimanapun, JPS akan mensyaratkan kepada pemaju bagi pembinaan dan/atau penaiktarafan parit-parit mengikut syor Pelan Induk Sistem Saliran Daerah Timur Laut (DMP DTL) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Pihak JPS juga akan mengkaji semula perancangan Rancangan Tebatan Banjir Bagan Jermal Fasa 2 yang telah disiapkan pada 2014 agar selaras dengan keperluan dan pembangunan terkini.